# BAHAYA ANCAMAN LIBERALISME DAN PLURALISME

### Pengenalan

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor secara tegas mewartakan bahaya fahaman Liberalisme dan Plularisme pada 10 Oktober 2013 (31 Julai 2014). Sebab utama fatwa tersebut diwartakan adalah kerana kedua-dua fahaman tersebut bertentangan dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Antara kandungan fatwa yang diwartakan adalah gesaan terhadap mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman Liberalisme dan Pluralisme agama hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Sebenarnya, fatwa sedemikian bukan sesuatu yang baharu. Pada Julai 2006, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Ke-74 yang menghimpunkan semua mufti di negeri-negeri juga memutuskan perkara yang sama, iaitu Liberalisme adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam.

Benarkan begitu seriusnya bahaya dan ancaman Liberalisme dan Pluralisme ini?

### Lahirnya Liberalisme dan Pluralisme

Liberalisme atau kadang-kadang disebut juga dengan Islam Liberal merujuk kepada suatu fahaman yang menyeru kepada pemahaman dan pengamalan agama secara bebas tanpa terikat dengan pemahaman para ulama' Islam terdahulu. Tidak keterlaluan untuk menyimpulkan bahawa Liberalisme adalah jelmaan Muktazilah zaman moden. Manakala Pluralisme pula berpegang kepada prinsip bahawa agama yang benar tidak hanya eksklusif kepada agama Islam sahaja. Dengan kata lain pendokong Pluralisme berpegang kepada pendirian bahawa bukan sahaja Islam agama yang benar serta memimpin manusia masuk ke syurga, bahkan agama-agama lain juga boleh membawa penganutnya ke syurga dan selamat dari neraka.

Liberalisme agama muncul akibat pertembungan antara mazhab-mazhab dalam agama Kristian yang dimulai dengan gerakan *Reformation* pimpinan Martin Luther. Liberalisme semakin rancak berkembang seiring dengan gerakan *Enlightenment* dan *Renainsans* yang menyeru kepada pembebasan manusia dari kerangka kuasa gereja yang mengongkong kehidupan masyarakat dalam kesemua hal. Maka Liberalisme dalam masyarakat Eropah membuahkan kemajuan yang menyilaukan sebahagian intelektual Muslim. Mereka menyangka dengan melakukan pembaharuan terhadap agama Islam dengan meninggalkan akar tradisi dan keilmuan para ulama silam, umat Islam akan lebih maju sebagaimana masyarakat barat.

Manakala **Pluralisme** adalah salah satu produk yang lahir dari 'rahim' Liberalisme. Sekian lama umat Islam memahami bahawa hanya ajaran Islam yang membimbing manusia ke syurga, kini dipaksa pula umat Islam untuk percaya bahawa Islam adalah salah satu agama yang benar, tanpa menafikan kebenaran agama-agama lain. Pluralisme agama muncul dan berkembang secara agresif pada abad ke 20 adalah natijah dari andaian bahawa pertumpahan darah dan permusuhan yang berlaku di dunia adalah disebabkan oleh sikap eksklusif dalam mendakwa kebenaran. Justeru, pemikir barat antaranya John Hick beranggapan bahawa Pluralisme agama adalah satu-satunya jalan keluar bagi menangani sikap saling memusuhi dan tidak toleran masyarakat beragama.

Justeru di manakah bahayanya kedua-dua fahaman ini?

### Kesan buruk anutan Liberalisme dan Pluralisme

Kedua-duanya iaitu Liberalisme dan Pluralisme tidak sekadar ideologi dan teori yang bersifat intelektual semata-mata, malahan mampu mendatangkan bekas dan kesan terhadap tingkah laku para penganutnya. Kedua-duanya adalah ibarat wabak yang menyerang saraf iman sehingga melumpuhkan keyakinan akidah seseorang Muslim. Sekurang-kurangnya terdapat lima kesan buruk yang sangat berbahaya terhadap akidah muslim.

#### Pertama:
#### Menghalalkan yang haram

Pendokong Liberalisme tidak segan silu menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an. Pakar rujuk Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia, Prof. Musdah Mulia secara terang-terangan menegaskan bahawa perlakuan homoseksual adalah normal kerana naluri tersebut adalah datang dari Tuhan. Ironinya, beliau adalah profesor di sebuah Universiti Islam di Indonesia!. Agaknya berapa ramai lagi muridnya yang bakal menuruti jejak langkah beliau?.

Prof. Musdah Mulia dengan beraninya menyatakan bahawa ulama Muslim beraliran sederhana dan progresif menegaskan bahawa tiada alasan dan dalil yang kukuh untuk menolak homoseksual. Pengharaman homoseksual oleh majoriti para ulama adalah berdasarkan penafsiran yang sempit dan jumud.

Justeru, seandainya perlakuan homoseksual yang merupakan sekeji-keji kemungkaran dalam Islam dan juga dalam peradaban manusia normal itu dihalalkan, apakah lagi perkara-perkara haram lain yang juga bakal diperakukan halal oleh pendokong Liberalisme?

#### Kedua:
#### Normalisasi hukum murtad

Apabila pendokong Pluralisme yang berpegang kepada tanggapan bahawa kebenaran tidak hanya eksklusif kepada agama Islam sahaja, maka sudah pastinya isu murtad dalam kalangan umat Islam tidak lagi dianggap serius. Umat Islam boleh sahaja diberikan hak untuk mencuba agama-agama lain dengan berpandukan kepada kebebasan memilih.

Pendokong Liberalisme secara beraninya menyandarkan dakwaan ini kepada nas al-Qur'an yang ditafsirkan menurut selera mereka iaitu "Tiada paksaan dalam agama" (surah al-Baqarah: 256). Mereka mendakwa kononnya Islam tidak memaksa penganutnya untuk kekal dalam agama Islam. Padahal ijmak keseluruhan ahli tafsir menegaskan bahawa ayat ini hanya terpkai kepada golongan bukan Islam sahaja.

#### Ketiga:
#### Usaha dakwah bakal sia-sia

Usaha dakwah juga sudah tidak relevan jika pluralisme ini tertanam dalam minda umat Islam. Apakah kewajaran untuk seseorang penganut agama lain menganut agama Islam seandainya agama yang mereka anuti juga adalah benar dan mampu menjamin keselamatannya di akhirat kelak?

Apa gunanya nabi Muhammad SAW menghantar surat-surat kepada pembesar Rom yang beragama Kristian dan pembesar Parsi yang beragama Majusi kalau tidak kerana mengajak kepada kebenaran agama Islam? Seandainya kebenaran dan jaminan keselamatan di akhirat juga terdapat dalam agama-agama lain, sudah pastinya para sahabat baginda tidak bersusah payah meninggalkan Makkah dan Madinah yang penuh barakah, demi semata-mata memastikan cahaya Islam bersinar ke seluruh pelusuk alam.

#### Keempat:
#### Meremehkan ijtihad ulama silam

Sekian lama tokoh-tokoh empat mazhab yang unggul, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'e dan Imam Ahmad menempati kedudukan yang istimewa di hati umat Islam, khususnya golongan cendiakawan dan intelektual. Pandangan-pandangan dan hasil ijtihad mereka disantuni dengan penuh sopan sekalipun tidak dianggap maksum.

Namun, sikap sebegini tidak wujud sama sekali dalam minda penganut Liberalisme. Walaupun tidak dianggap seumpama kain buruk, pandangan para ulama silam tidak lebih seumpama warisan sejarah yang hanya layak ditempatkan di muzium untuk kenang-kenangan sahaja.



Sumber imej : alhaqcentremalaysia

### Penutup

Bahaya Liberalisme dan Pluralisme tidak boleh dipandang ringan. Oleh sebab itu, cendikiawan Muslim Indonesia, Dr. Adian Husaini secara sinis menggambarkan ideologi Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme dengan ungkapan 'SIPILIS', iaitu suatu penyakit berbahaya (siflis) akibat daripada perlakuan seksual songsang. Tambahan, di zaman langit terbuka dan masyarakat banyak menghabiskan masa di rumah melayari media sosial lantaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), anasir-anasir pemikiran songsang sangat mudah menerobos masuk dalam minda umat Islam.

Satu-satunya benteng kukuh bagi mendepani cabaran ini adalah pertahanan ilmu yang diperkuatkan dengan benteng akidah. Justeru, umat Islam wajib mendalami ilmu berkaitan asas-asas agama ditambah dengan ilmu yang memperkenalkan syubhah-syubhah musuh Islam. Maka, dengan kelengkapan ilmu ini, masyarakat Islam tidak akan mudah dimomokkan dengan ideologi-ideologi sesat yang boleh menghakis keimanan dan merosakkan akidah.